

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]
TARIKH : 28 Oktober 2014
SOALAN : Dato' Wira Othman bin Abdul (Pendang) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa luas tanah terbiar yang telah dimajukan di negeri Kedah mengikut daerah sepanjang lima (5) tahun yang lalu. Apakah agensi-agensinya yang terlibat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sejak tahun 2010 hingga 30 September 2014, seluas 995.87 hektar tanah terbiar di Negeri Kedah telah dimajukan dengan projek-projek pertanian seperti tanaman sayur-sayuran, jagung dan nanas. Agensi yang terlibat secara langsung dalam memajukan tanah terbiar tersebut adalah Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) serta turut dibantu oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memasarkan pengeluaran pertanian tersebut.

Pecahan tanah terbiar yang telah dimajukan mengikut 12 daerah di Negeri Kedah sepanjang lima (5) tahun sejak tahun 2010 adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Keluasan Tanah Terbiar Yang Telah Dimajukan Mengikut Tahun (Hektar)					Jumlah Keseluruhan (Hektar)
		2010	2011	2012	2013	Sehingga September 2014	
1	Baling	96.02	6.07	11.33	21.55	12.04	147.01
2	Sik	33.74	12.07	-	14.00	10.00	69.81
3	Kubang Pasu	96.28	10.32	1.01	5.97	14.97	128.55
4	Kuala Muda	183.06	65.16	15.99	23.27	21.63	309.11
5	Pandang	51.34	4.40	-	-	-	55.74
6	Padang Terap	3.24	1.92	29.18	13.24	8.00	55.58
7	Yan	31.42	1.21	-	-	-	32.63
8	Kulim	116.13	4.40	10.22	0.51	3.95	135.21
9	Langkawi	12.02	-	-	-	-	12.02
10	Bandar Baru	33.72	1.01	4.05	-	1.52	40.30
11	Pokok Sena	6.68	1.21	-	-	1.62	9.51
12	Kota Setar	-	-	-	0.40	-	0.40
JUMLAH		663.65	107.7	71.78	78.94	73.73	995.87

SOALAN (20)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 28 OKTOBER 2014
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan jumlah peruntukan untuk projek Kejiranan Indah sejak 2012. Senaraikan projek dan kosnya. Apakah cara untuk memohon bantuan ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*) yang melibatkan pelbagai jabatan sebagai salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Terdapat 2 projek di bawah Kejiranan Indah iaitu projek membaik pulih perumahan kos rendah dan projek membina semula rumah terbakar atau menaik taraf rumah rakyat miskin oleh anggota bomba.

Pada tahun 2012, 8 lokasi Kejiranan Indah telah dilaksanakan oleh KPKT melibatkan 3,594 unit perumahan awam dan 17,000 penduduk dengan peruntukan sebanyak lebih kurang RM18.4juta.

Pada tahun 2013, 21 lokasi Kejiranan Indah telah dilaksanakan oleh KPKT melibatkan 5,936 unit perumahan awam dan 74,000 penduduk dengan peruntukan sebanyak lebih kurang RM46.1juta.

Bantuan ini boleh dipohon kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2014